

# → SUKAN

# Atlet terkesan F1 terakhir

● Litar SIC tinggalkan memori indah sukan permotoran

Oleh Saiful Affendi  
Sapran  
saifulaffendi@hmetro.com.my

► Kuala Lumpur

**P**enganjuran terakhir Grand Prix (GP) Formula Satu (F1) di Litar Antarabangsa Sepang (SIC) bukan saja akan meninggalkan kesan besar kepada peminat tempatan tetapi juga barisan atlet ternama negara.

Rata-rata mereka berpendapat adalah sesuatu yang me-

nyediakan apabila Ahad ini akan menjadi perlumba terakhir F1 di SIC.

Bagaimanapun, mereka memahami pelbagai faktor yang mendorong kepada keputusan untuk menghentikan perlumba berprestij itu.


Juara dunia acara keirin, Azizulhasni Awang, berkata kejayaan menganjurkan F1 selama 19 tahun adalah satu pencapaian yang membanggakan untuk Malaysia.

“Saya percaya ia sudah meninggalkan banyak memori kepada rakyat Malaysia terutam peminat sukan permotoran di negara ini,” katanya.

## Peta dunia

Atlet paralimpik negara Abdul Latif Romly pula berharap perlumba berprestij itu akan kembali dianjurkan semula di Malaysia pada masa depan.

“Sebab jenama F1 sudah meletakkan Malaysia di peta dunia



Leong Mun Yee

sukan permotoran,” katanya.

Atlet terjun negara Leong Mun Yee juga senada dengan Latif apabila menyatakan F1 sudah membawa jenama Malaysia ke pelusuk dunia.

“Memang agak sedih kerana selepas 19 tahun, ini adalah pernianjuran kali terakhir. Harap setiap pemandu dapat memberikan yang terbaik sebagai kenangan paling indah kepada peminat di Malaysia,” katanya.

Atlet lompat tinggi negara yang beraksi pada Sukan Olimpik Rio tahun lalu, Nauraj Singh pula berkata, dia sendiri sering menyaksikan perlumba F1 terutamanya ketika zaman kakak-kakak.

“Perkara paling menarik adalah ketika upacara penyampaian hadiah.

“Mengenali perlumba ini sejak era Michael Schumacher sebagai pemandu paling hebat di abad ini akan kekal dalam ingatan saya,” katanya.